

Headline	Kisah kelip-kelip Kampung Kuantan dibukukan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	684 cm ²
Journalist	NORAFIZA JAAFAR	AdValue	RM 11,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,001



Kisah kelip-kelip Kampung Kuantan dibukukan

Frim, kerajaan negeri dan Hartalega Berhad terbit buku kanak-kanak 'Pyro, The Elephant Whisperer'

NORAFIZA JAAFAR

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), kerajaan negeri dan Hartalega Berhad menerbitkan buku kanak-kanak 'Pyro, The Elephant Whisperer' sebagai kempen kesedaran pemuliharaan alam sekitar.

Penulisnya yang juga Penyelidik Frim, Dr Shawn Cheng berkata, buku berkisar biologi kelip-kelip dan sejarah Kampung Kuantan Kuala Selangor itu adalah hasil kajian dibuat sejak 2016.

Menurutnya, beliau turut menyelitikan elemen orang tempatan termasuk pendayung juga orang tempatan urut memainkan peranan penting sebagai memelihara spesies dan produk pelancongan di sana.

"Pyro' adalah kelip-kelip unik dan terancam yang didedahkan mengenai habitat, sifat dan pemakanannya yang memerlukan siput untuk hidup. Secara tidak langsung ia memupuk kesedaran pemuliharaan spesies ini dan meningkatkan sikap prihatin kepada alam sekitar oleh kanak-kanak.

"Dalam buku tersebut turut diceritakan mengenai pembunuhan lima ekor gajah oleh orang Inggeris

sekitar 1920," katanya.

Katanya, buku setebal 40 muka sura dijual dengan harga RM18 di kedai buku Popular dan turut dijual di jeti Kampung Kuantan.

"Hasil jualan akan digunakan bagi pembangunan masyarakat setempat dan juga membiayai kajian.

"Sebanyak 100 unit disumbangkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) diedarkan ke perpustakaan awam dan mobil bergerak di seluruh negeri," katanya.

Buku tersebut katanya, kini dalam bahasa Inggeris dan bakal diulang cetak dalam bahasa Melayu dan Mandarin selepas dapat kelulusan.

Semalam, berlangsungnya pelancaran buku 'Pyro, The Elephant Whisperer' sempena lawatan delegasi International Federation of Library Associations and Institutions (Ifla) di

PPAS, dirasmikan Exco Kerajaan Negeri, Hee Loy Sian.

Turut hadir, Pengarah Frim, Datuk Dr Marzalina Mansor, Pengerusi Lembaga Pengarah PPAS, Nik Nazmi Nik Ahmad dan Pengarah PPAS, Mastura Muhamad.

Sementara itu, Nik Nazmi memuji penerbitan buku berbentuk pendedahan biodiversiti sebagai menyeimbangkan pembangunan negara.

"Penyelesaian jangka masa panjang memberikan pendidikan kepada anak-anak kita untuk peka dan prihatin terhadap khazanah alam

dengan harapan lebih mudah untuk diperkenalkan dengan dasar serta amalan baru selepas asas pentingnya menjaga alam sekitar diterapkan.

"Langkah lain yang perlu diambil termasuk pindaan peraturan supaya relevan dengan perkembangan semasa," katanya.

Headline	Kisah kelip-kelip Kampung Kuantan dibukukan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	684 cm ²
Journalist	NORAFIZA JAAFAR	AdValue	RM 11,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,001



Loy Sian merasmikan pelancaran buku 'Pyro, The Elephant Whisperer' sempena lawatan delegasi Iffa, semalam.



Dr Shawn menunjukkan buku yang ditulisnya dalam usaha meningkatkan kesedaran pemuliharaan kelip-kelip.

Headline	Kisah kelip-kelip Kampung Kuantan dibukukan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	39	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	684 cm ²
Journalist	NORAFIZA JAAFAR	AdValue	RM 11,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,001

